

MYGDX, PLATFORM Perkongsian Maklumat Agensi Kerajaan Dilancar

Januari 15, 2018 Diturunkan oleh BeritaRTM Published in Nasional

 Tweet

2

 Like

 Share

 4+

00

Hits: 116



Cetak

PUTRAJAYA - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu) memperkenalkan aplikasi MyGDX atau Malaysia Government Central Data Exchange iaitu platform perkongsian maklumat yang menyediakan perkhidmatan broker data untuk rujukan agensi.

Ketua Pengarah Mampu Datuk Dr Mazlan Yusoff ketika melancarkan aplikasi ini di sini berkata MyGDX membolehkan maklumat diselaras dan dikongsi merentasi agensi terlibat dengan lebih efisien, sekali gus melonjakkan penyampaian perkhidmatan awam ke tahap lebih tinggi.

Sebagai permulaan, MyGDX akan disertai sepuluh agensi kerajaan antaranya Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Peperiksaan Malaysia dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional, katanya.

Beliau berkata inisiatif itu selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara maju, yang mana agensi awam bergerak sebagai satu pasukan dengan mengoptimum sumber dan kepakaran untuk melakukan perubahan berimpak besar.

((BERNAMA))